

Pembeli minta resit kena caj tambahan

B.H. 26/6

➔ JKDM dapat aduan ada penjual mengenakan bayaran

Oleh **Amin Ridzuan Ishak**
dan **Suzalina Halid**
bhnews@bh.com.my

✦ **Kuantan**

Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) mengesan ada peniaga mengenakan caj tambahan ke atas pelanggan yang meminta resit pembelian bagi mengetahui harga barang serta Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST).

Pengarah JKDM Pahang, Datuk Sarip Ismail, berkata kesalahan itu di kesan selepas pihaknya menyiasat aduan orang ramai termasuk ke atas sebuah syarikat perkakasan yang mengenakan caj berkenaan.

**Fakta
nombor**

RM1 CAJ

dikenakan kepada pelanggan yang meminta resit pembayaran

20
PEMENANG

bagi cabutan April hingga Mei hadir menerima hadiah

Contohnya, harga barang RM10 dan apabila pelanggan minta resit, peniaga mengenakan caj tambahan RM1.

"Ia satu kesalahan yang boleh di siasat mengikut Seksyen 33 Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) 2014 kerana gagal menyerahkan invoice kepada pelanggan," katanya selepas menyampaikan hadiah kepada pemenang 'Jom Minta Resit GST' di sini, semalam.

Di **Alor Setar**, Timbalan Pengarah Kastam Kedah, Mohd Noor Yusoff, berkata kesedaran orang ramai terhadap tabiat meminta resit pembayaran meningkat selaras pelaksanaan peraduan 'Jom Minta Resit GST' yang dilancarkan serentak di seluruh negara, pada 1 April lalu.

"Seramai 20 daripada 73 pemenang bagi cabutan April hingga Mei hadir menuntut pelbagai hadiah," katanya.

Di **Seremban**, Pengarah Jabatan Kastam Negeri, Abdullah Jaapar, berkata pengguna berhak mendapatkan resit lengkap tertera nombor pendaftaran GST bagi setiap urusan niaga.



Sarip ((kanan) bersama pemenang 'Jom Minta Resit GST' anjuran JKDM di Kuantan, semalam.